



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Kearifan Tempatan Masyarakat Islam Di Sarawak Menerusi Manuskrip Undang-Undang Kanun Lingga

(The Local Wisdom of The Muslim Community in Sarawak Through The
Legal Manuscript of The Kanun Lingga)

Noranizah Yusuf^{1*}, Saimi Bujang¹

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Sarawak Campus, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Desember 2024

Keywords:

Kanun Lingga
local wisdom
manuskrip
muslim community
Sarawak
law

Katakunci:

Kanun Lingga
kearifan tempatan
masyarakat Islam
manuskrip
Sarawak
undang-undang

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.8>

ABSTRACT

Local wisdom is a term frequently used in the field of social sciences. Local wisdom is commonly used to describe the cultural richness of the local community in various aspects of life. In this context, wisdom refers to the understanding, practices, culture, and way of life of the Muslim community in Sarawak based on the manuscript of the legal code, Kanun Lingga, which clearly contains the influence of Islamic law. This study focuses on understanding how the local wisdom of the Muslim community in Sarawak, as documented in Kanun Lingga, can be interpreted within the context of community life and how it influences legal practices among Muslims in Sarawak. Overall, this article aims to explore the local wisdom of the Muslim community in Sarawak as expressed in Kanun Lingga. This study uses a content analysis method involving the determination of research objectives, coding themes and concepts within Kanun Lingga, and data interpretation to identify the elements of Islamic law in the text. The findings reveal that there are many influences of Islam in Kanun Lingga, demonstrating that the Muslim community in Sarawak has integrated Islamic law into their daily lives. This manuscript is a significant treasure and valuable evidence, presenting a worldview of the system of governance and Islamic law in Sarawak, which is rarely discussed with limited available resources.

ABSTRAK

Kearifan tempatan merupakan satu istilah yang sering digunakan dalam bidang sains sosial. Istilah ini digunakan bagi menggambarkan keluhuran budaya masyarakat setempat dalam pelbagai aspek

^{1*} Corresponding author. E-mail address: noranizah977@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.8>

kehidupan. Kearifan dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada pemahaman, amalan, budaya dan cara hidup masyarakat Islam di Sarawak berdasarkan manuskrip Kanun Lingga yang jelas mengandungi pengaruh perundangan Islam. Permasalahan kajian ini tertumpu kepada bagaimana kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak seperti yang terkandung dalam manuskrip undang-undang Kanun Lingga dapat difahami dan diinterpretasikan dalam konteks kehidupan masyarakat serta bagaimana pengaruhnya terhadap amalan undang-undang dan kehidupan masyarakat Islam di Sarawak. Secara keseluruhannya, artikel ini bertujuan membincangkan kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak menerusi manuskrip undang-undang Kanun Lingga. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan penentuan objektif kajian, pengekodan tema dan konsep dalam manuskrip Kanun Lingga serta pentafsiran data untuk menggali pemahaman mengenai elemen perundangan Islam dalam teks tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak pengaruh Islam dalam manuskrip Kanun Lingga yang membuktikan bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mengamalkan undang-undang Islam dalam kehidupan mereka. Kewujudan manuskrip ini menjadi khazanah dan bukti penting kerana menampilkan perspektif yang berkaitan dengan sistem ketatanegaraan dan undang-undang Islam, khususnya di Sarawak, yang jarang diketengahkan dan sumber yang berkaitan dengannya adalah amat terhad.

PENDAHULUAN

Rantau alam Melayu yang meliputi sebahagian besar Asia Tenggara kaya dengan sejarah beraneka ragam yang menggabungkan budaya, agama dan tradisi yang berlainan. Salah satu aspek menarik dalam sejarah rantau ini ialah pengenalan dan penyebaran Islam di Sarawak yang menjadi salah satu tempat yang penting untuk diteliti dan dikaji. Sarawak yang terletak di Kepulauan Borneo memiliki latar belakang sejarah dan budaya yang khusus dan kedatangan Islam ke Sarawak dapat dilihat melalui pelbagai sumber sejarah seperti manuskrip kuno seperti Prapanca, Negara Kertagama dan Silsilah Raja-Raja Brunei. Makalah ini akan menyoroti kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak dengan memfokuskan kepada Kanun Lingga sebagai dokumen rujukan utama.

Kearifan tempatan mencerminkan pengetahuan, kepercayaan, dan nilai-nilai yang telah terbentuk sepanjang generasi berdasarkan interaksi antara masyarakat dengan alam dan antara satu sama lain. Ia tidak hanya mendedahkan cara hidup dan perspektif masyarakat, tetapi juga memberikan gambaran tentang adaptasi, pembelajaran, dan perkembangan masyarakat dalam menghadapi pelbagai dugaan (Ramli et al., 2016; Rahim et al., 2013). Dalam konteks Sarawak, kearifan ini dapat dilihat melalui prinsip-prinsip dan peraturan yang diterapkan dalam manuskrip Kanun Lingga yang mencerminkan pengaruh mendalam Islam dalam kehidupan seharian dan pentadbiran masyarakat. Kanun Lingga turut dikenali sebagai Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting atau Undang-Undang Banting (Azuan, 2018).

Kanun Lingga merupakan satu dokumen bertulis yang disimpan oleh salah seorang waris pemerintahan Kerajaan Banting di Lingga iaitu Abang Sakardi Abang Nor. Menurut Abang Sakardi, manuskrip tersebut diberikan oleh bapanya kepadanya untuk disimpan. Beliau dimaklumkan oleh bapanya bahawa manuskrip tersebut merupakan undang-undang yang digunakan oleh pemerintah di Lingga iaitu Datuk Hussin Abang Hassan yang merupakan waris keturunan pemerintah di Banting. Beliau dan ahli keluarga serta pengikut-pengikutnya telah diarahkan oleh Raja Muda Hashim untuk berpindah ke muara iaitu di Kampung Lingga dari Bukit Banting. Manuskrip Kanun Lingga dianggarkan berusia lebih daripada 150 tahun kerana pada halaman pertama manuskrip ini tercatat tarikh 1272 Hijrah bersamaan 1855 Masihi. Maklumat tersebut

ditulis dengan menggunakan pen berwarna biru berkemungkinan merupakan catatan yang ditulis oleh penyimpan manuskrip tersebut.

Selanjutnya, hubungan antara Sarawak dengan kerajaan-kerajaan Islam lainnya di alam Melayu, terutamanya Kesultanan Brunei, juga menjadi fokus dalam makalah ini. Kesultanan Brunei, sebagai pusat Islam yang penting di Borneo, telah memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam ke wilayah-wilayah sekitarnya, termasuk Sarawak. Melalui usaha pedagang, ulama, dan pemimpin komuniti, Islam tidak hanya diterima dan dipraktikkan tetapi juga disesuaikan dengan budaya dan tradisi setempat, memberikan identiti tersendiri kepada masyarakat Islam di Sarawak (Bujang et al., 2022; Sanib, 2012; Izziah, 2003).

Data menunjukkan bahawa penyelidikan dan penulisan akademik berkaitan dengan kearifan tempatan dalam aspek perundangan Islam di Sarawak, khususnya pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, agak sukar untuk didapati. Adapun kajian-kajian yang dilakukan kebanyakannya berkisar tentang sejarah dan perundangan Islam pada era pemerintahan kolonial dan selepas kemerdekaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia. Oleh yang demikian, Kanun Lingga perlu dikaji secara lebih terperinci bagi mengetengahkan naratif baharu sejarah undang-undang Islam khususnya dalam aspek kearifan tempatan. Penelitian khusus harus dilakukan bagi mengisi kelompangan dan kekosongan sejarah Sarawak khususnya berkaitan masyarakat Melayu-Islam untuk pengetahuan generasi masa hadapan agar tidak hilang ditelan zaman.

Kajian ini bertujuan untuk mendalami kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak dengan menekankan pemahaman, amalan, budaya dan cara hidup mereka seperti yang digambarkan dalam manuskrip Kanun Lingga. Melalui kaedah analisis kandungan, kajian ini berhasrat menggali elemen-elemen perundangan Islam dalam manuskrip yang menunjukkan bagaimana pengaruh Islam telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Islam di Sarawak. Selain itu, kajian ini juga ingin menyoroti kepentingan manuskrip sebagai khazanah sejarah dan bukti autentik yang menggambarkan sistem ketatanegaraan dan undang-undang Islam di Sarawak terutama dalam konteks di mana sumber rujukan berhubung topik ini adalah terhad.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, dua pendekatan utama yang diaplikasikan oleh penulis adalah analisis kandungan dan kajian literatur. Pendekatan pertama iaitu analisis kandungan yang melibatkan penelitian mendalam terhadap manuskrip Kanun Lingga sebagai sumber primer. Manuskrip Kanun Lingga dijadikan sumber utama kajian ini kerana belum terdapat kajian tuntas dan komprehensif berhubung dengan kearifan tempatan dalam konteks perundangan Islam di Sarawak. Proses ini termasuklah menentukan objektif kajian, pengekodan tema atau konsep utama dan pentafsiran data untuk memahami bagaimana undang-undang Islam dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Islam di Sarawak (Majid, 2017). Antara tema-tema utama dan sub-tema yang dikenal pasti adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pengekodan tema utama dan sub-tema dalam Kanun Lingga

Bil	Tema utama	Sub-tema
1.	Undang-Undang Jenayah Islam	Hudud <i>Diyat</i> Qisas <i>Ta'zir</i> Zina Minum arak dan tuak
2.	Undang-Undang Kekeluargaan Islam	Perkahwinan <ul style="list-style-type: none"> ● Ijab dan <i>Qabul</i> ● Wali ● Saksi ● <i>Khayar</i> perkahwinan ● Hukum mengganggu isteri orang

		Perceraian <ul style="list-style-type: none"> ● <i>Talak Ba'in</i> ● <i>Talak Raj'i</i> Pertunangan <ul style="list-style-type: none"> ● Hukum mengganggu tunangan orang
3.	Undang-Undang Muamalat Islam	Pengharaman riba Prinsip jual beli <ul style="list-style-type: none"> ● <i>Khiyar</i> ● Syarat-syarat sah perniagaan Wakalah Amanah Hutang Muflis Upah dan sewaan
4.	Undang-Undang Acara dan Keterangan	Penyaksian Sumpah Prosedur perbicaraan Tuntutan
5.	Undang-Undang Keagamaan (Fiqh Ibadat)-Personal Law	Murtad Tidak solat

Sumber: Majid, 2017


Seterusnya, pendekatan kedua iaitu kajian literatur atau kajian keputakaan pula bertujuan untuk memahami konteks sejarah, budaya dan sosial masyarakat Islam di Sarawak. Melalui kajian literatur, penyelidik akan membandingkan penemuan data dari manuskrip dengan literatur yang sedia ada bagi membantu penyelidik menilai keunikan dan kesamaan antara kepercayaan dan amalan yang ditemui dalam manuskrip dengan maklumat umum tentang masyarakat Islam di Sarawak (Yusuf & Khasanah, 2019; Ahmadin, 2022). Sebagai tambahan, validasi data melalui kaedah triangulasi sumber dijalankan untuk memastikan keabsahan data yang ditemui (Majid, 2017).

Dalam melaksanakan kajian ini, kepentingan menjalankan prosedur yang sistematik dan teliti menjadi keutamaan bagi memastikan kualiti dan integriti dapatan kajian. Selepas memastikan kerangka kajian, penulis memulakan proses dengan pemilihan dan penilaian manuskrip yang relevan. Kriteria pemilihan dikenal pasti berdasarkan relevansi dengan objektif kajian, keaslian sumber serta kepentingannya dalam menggambarkan kehidupan masyarakat Islam di Sarawak pada zaman tersebut. Langkah ini dilakukan dengan kaedah kritikan dalaman dan kritikan luaran manuskrip Kanun Lingga.

Sejurus selepas itu, proses analisis kandungan manuskrip dilakukan dengan teliti untuk mengenal pasti tema, konsep dan informasi penting yang terkandung dalam manuskrip menggunakan aplikasi ATLAS.ti. Setiap maklumat yang ditemui dinilai dan dianalisis berdasarkan konteks sejarah dan budaya masyarakat pada masa itu. Langkah kajian literatur memastikan bahawa data yang ditemui dari manuskrip diinterpretasikan dengan betul dan diletakkan dalam konteks yang lebih luas serta membandingkannya dengan literatur yang sedia ada.

Selain itu, satu langkah penting dalam proses kajian ini ialah validasi data. Setiap data dan interpretasi diperiksa semula melalui kaedah triangulasi sumber iaitu dengan merujuk kepada pelbagai sumber maklumat yang boleh memastikan kebenaran dan keabsahan data. Pandangan dan input daripada pakar juga dijalankan, di mana pakar dalam bidang perundangan Islam di Sarawak iaitu Ketua Hakim Syarie Sarawak, Yang Amat Arif Datu Awang Suhaili Ledi. Beliau telah memberikan pandangan dan penilaian terhadap penemuan hasil kajian, memberikan lapisan tambahan validasi dan kepercayaan kepada hasil kajian. Langkah ini dilakukan bagi memastikan bahawa setiap maklumat yang diberikan adalah tepat, sah, dan relevan dengan objektif kajian. Berikut merupakan carta alir bagaimana prosedur kajian ini dilaksanakan:

Rajah 1: Carta alir prosedur pelaksanaan kajian



Sumber: Penulis

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Manuskrip Kanun Lingga adalah suatu cerminan kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak. Kearifan tempatan yang sering disebut sebagai pengetahuan dan kepercayaan yang diterapkan oleh masyarakat setempat berdasarkan pengalaman dan tradisi turun-temurun, memainkan peranan penting dalam menyesuaikan prinsip-prinsip agama atau perundangan dengan realiti kehidupan seharian. Dalam konteks Sarawak, kearifan tempatan ini menjadi jambatan yang menggabungkan prinsip-prinsip universal Islam dengan adat-istiadat, tradisi dan amalan-amalan setempat yang akhirnya mencipta suatu sistem hukum yang mencerminkan identiti unik masyarakatnya.

Melalui manuskrip ini, kita dapat melihat bagaimana masyarakat Islam di Sarawak, dalam usaha menyesuaikan diri dengan ajaran Islam, telah mengintegrasikan unsur-unsur budaya setempat dengan ajaran Islam untuk mencipta suatu sistem perundangan yang sesuai dengan keadaan sosio-budaya mereka. Ini menunjukkan kebijaksanaan masyarakat dalam memilih, menilai, dan mengintegrasikan unsur-unsur baru ke dalam kerangka kehidupan mereka tanpa mengabaikan warisan dan tradisi lama. Hal ini juga menekankan bagaimana masyarakat telah menggunakan kearifan tempatan mereka untuk memastikan bahawa perubahan yang dibawa oleh Islam dapat diterima dan diamalkan dengan cara yang harmonis dengan kehidupan masyarakat setempat.

Kemasukan dan perkembangan Islam di Sarawak

Kemasukan Islam ke alam Melayu telah merentasi pelbagai wilayah, termasuk Sarawak, yang dikenali sebagai salah satu pintu gerbang perdagangan di rantau ini. Dengan kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan antara Timur dan Barat, ia menjadi titik pertemuan bagi ramai pedagang yang melalui kawasan ini. Aktiviti perdagangan yang sibuk di Sarawak telah mempermudah kedatangan pedagang dari pelbagai tempat termasuk dari kawasan yang telah menerima Islam seperti dari Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera dan Arab. Mereka bukan sahaja membawa barang-barang perdagangan, tetapi juga ajaran Islam, dan secara beransur-ansur mempengaruhi masyarakat setempat untuk menerima agama ini (Mohammad, 2008).

Melalui bukti arkeologi dan sejarah yang menunjukkan pengaruh Islam sejak awal, ia menegaskan bahawa Islam bukanlah agama asing di Kepulauan Melayu. Melaka khususnya telah dikenali sebagai pusat penting pengislaman di Tanah Melayu dan menjadi contoh bagaimana sebuah kerajaan Melayu dapat mempengaruhi kawasan sekitarnya melalui perdagangan dan diplomasi (Mahayudin, 2001; Latif, 2009; Awang, 2015). Bagi Sarawak pula, dengan kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan antara Timur dan Barat, telah menjadi faktor penting kedatangan pedagang dari China, Arab dan Melaka. Interaksi ini bukan sahaja mengembangkan aktiviti perdagangan tetapi juga budaya dan agama termasuklah ajaran Islam (Md Bahrudin & Mohd Salleh, 2020; Mansor & Pawi, 2019; Azman et al., 2017).

Pengislaman raja-raja juga menjadi titik tolak penting dalam penyebaran Islam di alam Melayu. Kebanyakan masyarakat tradisional memberi penghormatan dan mengikuti jejak raja atau pemimpin mereka. Oleh itu, pengislaman raja-raja menunjukkan penerimaan dan pengiktirafan Islam sebagai agama utama (Mohammad, 2008). Kaitan antara Sarawak dan Brunei memberikan petunjuk kuat bahawa pengaruh Islam di Sarawak datang dari Brunei. Dengan adanya hubungan politik dan ekonomi yang erat antara kedua-dua negeri ini, ia telah menyebabkan pengaruh Brunei yang merupakan sebuah kerajaan Islam mempengaruhi masyarakat di Sarawak.

Kesultanan Brunei yang telah melakukan perluasan wilayah jajahannya ke kawasan lain di Borneo turut memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Sarawak. Kekuasaan dan pengaruh Kesultanan Brunei di Sarawak membawa bersama ajaran Islam dan mempengaruhi struktur sosial dan politik di Sarawak (Bujang et al., 2022; Sanib, 2012). Kesultanan Brunei yang terkenal dengan pemimpinnya yang berpegang teguh pada ajaran Islam telah melantik wakil-wakil di wilayah jajahannya termasuk di Sarawak untuk meluaskan dan memperkukuhkan ajaran Islam. Selain itu, para ulama juga memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Sarawak. Melalui pendidikan, dakwah dan pembinaan institusi agama, mereka memastikan pemahaman serta amalan Islam diterapkan dengan baik dalam kalangan masyarakat di Sarawak (Mansor & Pawi, 2019; Mutalib & Ismail, 2020).

Tidak terkecuali golongan Datu yang terdiri daripada golongan aristokrat di Sarawak memainkan peranan penting sebagai pemimpin dalam struktur pentadbiran tradisional dan wakil Sultan Brunei. Mereka berperanan memastikan undang-undang dan peraturan termasuk yang berkaitan dengan Islam dapat dilaksanakan dengan baik di Sarawak. Sementara itu, golongan Sharif dengan latar belakang keturunan Arab-Melayu turut memainkan peranan penting dalam penyebaran dan pendidikan Islam di Sarawak, terutamanya melalui pendekatan dakwah dan pendidikan (Mail, 2002). Sumbangan golongan Sharif juga tidak boleh dipandang ringan kerana mereka telah melakukan aktiviti dakwah bagi pihak Kesultanan Brunei dan telah berjaya mengislamkan sebahagian besar penduduk pribumi Sarawak (Mutalib & Ismail, 2020; Mail, 2002). Keupayaan golongan Sharif berinteraksi dengan masyarakat setempat berjaya membina hubungan yang baik dan memainkan peranan penting dalam proses islamisasi kaum bumiputera di Sarawak (Sanib, 2012; Azman et al., 2017).

Definisi dan konsep kearifan tempatan

Kearifan tempatan merujuk kepada pengetahuan, kepercayaan, dan nilai-nilai yang berkembang dalam masyarakat tertentu berdasarkan pengalaman dan pemahaman mereka tentang alam sekitar dan interaksi sosial. Ia mencerminkan bagaimana masyarakat memahami, menginterpretasi dan berinteraksi dengan alam sekitar mereka serta bagaimana mereka memindahkan pengetahuan dan tradisi dari generasi ke generasi. Kearifan tempatan adalah hasil daripada adaptasi masyarakat terhadap persekitaran dan lingkungan mereka yang merupakan sumber penting dalam pembuatan keputusan dan pengurusan sumber daya (Aminuddin, 2022).

Kearifan tempatan juga berfungsi sebagai jambatan antara warisan budaya dan pembangunan masa depan. Ia memainkan peranan penting dalam pemuliharaan ekologi dan kelestarian sumber daya serta memandu masyarakat dalam menghadapi cabaran-cabaran alam semula jadi dan sosial. Dalam konteks globalisasi, kearifan tempatan menjadi semakin penting sebagai sumber inovasi dan strategi penyelesaian masalah yang berakar pada pengalaman dan tradisi setempat. Ini membantu masyarakat untuk mempertahankan identiti dan keunikan mereka sambil beradaptasi dengan perubahan dunia. Di samping itu, kearifan tempatan juga menekankan pentingnya hubungan harmoni antara manusia dan alam serta antara individu dalam masyarakat yang mencerminkan prinsip-prinsip kesederhanaan, keterikatan, dan kebersamaan.

Manuskrip Kanun Lingga adalah bukti nyata kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak terutamanya dalam bidang ketatanegaraan dan perundangan. Dokumentasi undang-undang dalam manuskrip ini menunjukkan sistem perundangan yang tersusun dan apresiasi masyarakat terhadap

penulisan sebagai medium pengekal ilmu. Kandungannya yang sarat dengan unsur syariat Islam menandakan betapa dalamnya pengaruh Islam dalam tata kelola pemerintahan masyarakat di Sarawak. Selain itu, pewarisan manuskrip ini dari satu generasi ke generasi yang lain menunjukkan betapa nilai-nilai kekeluargaan dihargai, dengan penekanan khusus pada pemeliharaan warisan budaya dan ilmu.


Kemahiran dalam seni penulisan juga tergambar jelas melalui manuskrip ini yang menunjukkan adanya gaya tulisan yang seragam, penggunaan dakwat hitam dan merah serta ejaan jawi lama yang mencerminkan keindahan dan kepakaran mereka dalam seni kaligrafi. Selain itu, penggunaan terminologi dan perkataan Arab dalam manuskrip ini mencerminkan interaksi kebudayaan dan ilmu antara alam Melayu dengan dunia Arab, yang menandakan penerimaan dan integrasi unsur-unsur luar dengan budaya setempat. Secara keseluruhannya, Kanun Lingga adalah gambaran kearifan dan warisan budaya masyarakat Sarawak yang kaya dan bermakna.

Kerajaan Melayu Banting di Lingga

Kerajaan Melayu Banting adalah sebuah kerajaan Melayu Islam yang pernah wujud di lembah Batang Lupar, di Lingga, bahagian Sri Aman. Asalnya dinamakan Kerajaan Banting kerana ibu kotanya terletak di Bukit Banting yang berada di hulu Sungai Lingga, bersempadan dengan Sungai Klauh dan Pantu. Kerajaan Melayu Banting merangkumi wilayah hingga ke Ulu Lemanak di hulu Sungai Batang Lupar (Sanib, 2023). Pada zaman Kesultanan Brunei, kawasan ini menjadi pusat pentadbiran penting di bawah pemerintahan Sharif Mular dan Sharif Shahab. Kerajaan Banting merupakan salah satu Kesultanan Melayu Islam yang muncul di Sarawak yang diasaskan oleh Tengku Akil. Tengku Akil berketurunan Melayu Arab yang banyak menjalankan dakwah Islam di Sarawak khususnya di Batang Lupar.

Menurut Azuan (2018), kewujudan Kerajaan Banting bermula sekitar tahun 1695 Masihi sezaman dengan kemunculan Kesultanan Pontianak di Kalimantan, Indonesia. Pemerintahan tersebut berlangsung selama lebih kurang 160 tahun dan berakhir dengan penguasaan James Brooke ke atas Lingga pada tahun 1855 Masihi. Salah seorang warisnya telah meneruskan legasi pemerintahan Kerajaan Banting di Lingga, yang dikenali sebagai Datuk Lela Pahlawan atau Datuk Abang Hussin Abang Hassan.

Gambar rajah 1: Peta kedudukan Kerajaan Melayu Banting di Lingga



Sumber: Google Maps, Lingga Sarawak, <https://maps.app.goo.gl/r5mupE4ouAG8rNjs6>, 16 September 2023.

Kearifan tempatan masyarakat Islam di Sarawak menerusi manuskrip Kanun Lingga

Kanun Lingga juga dikenali sebagai Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting atau Undang-Undang Banting (Azuan, 2018) yang merupakan sebuah dokumen bertulis yang disimpan oleh Abang Sakardi Abang Nor. Abang Sakardi menjelaskan bahawa dokumen berharga ini telah diwariskan kepadanya oleh bapanya. Beliau menyatakan dokumen tersebut adalah dokumen undang-undang yang


pernah diguna pakai dan dirujuk oleh pemerintah di Lingga iaitu pada zaman pemerintahan Datuk Abang Hussin Abang Hassan yang dilaporkan meninggal dunia pada 1880 (Abang Sakardi, 2023). Datuk Abang Hussin Abang Hassan merupakan salah seorang daripada keturunan pemerintah di Kerajaan Melayu Banting yang juga dikenali sebagai Datuk Lela Pahlawan.

Menurut sumber sejarah, Datuk Hussin bersama keluarga dan pengikutnya yang setia telah berhijrah ke Kampung Lingga yang terletak berhampiran muara sungai Batang Lupar. Mereka berpindah dari Bukit Banting yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan tersebut atas arahan Pengiran Muda Hashim. Berdasarkan tarikh yang tertera pada halaman awal manuskrip, iaitu tahun 1272 Hijrah yang bersamaan dengan 1855 Masihi, boleh dianggarkan bahawa manuskrip Kanun Lingga ini mempunyai usia yang melebihi 150 tahun. Tarikh tersebut ditulis dengan dakwat biru kemungkinan sebagai rekod penandaan yang ditulis oleh individu yang bertanggungjawab menjaga manuskrip Kanun Lingga pada masa tersebut.

Penulis asal manuskrip ini tidak dapat dikenal pasti dan maklumat yang tercatat hanya menyatakan bahawa manuskrip tersebut merupakan undang-undang yang digunakan oleh waris Kerajaan Banting pada masa itu (Abang Sakardi, 2022; Sanib, 2023; Azuan, 2018). Pengkaji berpendapat bahawa penulis Kanun Lingga berkemungkinan besar terdiri daripada individu yang mempunyai kedudukan penting dalam pemerintahan atau orang yang arif dalam ilmu pengetahuan agama, mampu menulis dalam tulisan jawi dan mahir berbahasa Arab. Ini kerana sebahagian besar kandungan Kanun Lingga berunsurkan syariat Islam dan menggunakan banyak istilah serta perkataan Arab.

Manuskrip tersebut terdiri daripada 86 halaman dengan dimensi 16.5 sentimeter untuk ukuran panjang dan 11.5 sentimeter untuk ukuran lebar. Material kertas yang digunakan untuk menulis manuskrip tersebut berwarna putih kekuningan. Walaupun secara keseluruhan manuskrip ini berada dalam keadaan memuaskan, terdapat beberapa lembaran yang menunjukkan tanda kerapuhan dan beberapa sudah terpisah daripada jahitan asalnya. Setiap halaman naskah manuskrip Kanun Lingga juga tidak mempunyai penanda nombor muka surat. Manakala pada setiap halaman terdapat kira-kira 15 hingga 16 baris ayat yang ditulis dengan gaya penulisan yang seragam. Selain itu, manuskrip ini juga tidak mempunyai kulit hadapan.

Gambar rajah 2: Contoh Naskah Manuskrip Kanun Lingga



Sumber: Manuskrip Kanun Lingga (t.th., bahan tidak diterbitkan)


Kepentingan manuskrip Kanun Lingga mewakili kearifan masyarakat Islam di Sarawak dalam bidang pentadbiran dan tata negara. Dalam kebudayaan Islam, ilmu mengenai tata negara adalah penting untuk memberi nasihat kepada pemimpin serta memberi panduan dalam aspek-aspek politik dan tata kelola negara. Pentingnya memberi nasihat kepada pemimpin ditekankan dalam budaya Islam. Di wilayah alam Melayu, terutamanya antara abad ke-16 hingga ke-18 Masihi, ilmu tata negara telah berkembang dan memberikan impak signifikan terhadap pentadbiran Kerajaan alam Melayu ketika itu. Ini terjadi sebelum alam Melayu berhadapan dengan ideologi dan konsep dari Barat (Abd Jalal et al., 2022).

Teks dalam manuskrip Kanun Lingga walaupun sudah berusia, masih jelas dan boleh dibaca dengan baik meskipun ada halaman yang menunjukkan tanda-tanda sudah mulai rosak dan rapuh. Gaya tulisan yang digunakan dalam Kanun Lingga adalah jelas dan mudah dibezakan, menunjukkan kepakaran penulis dalam bidang kaligrafi. Namun, penulisan tersebut menggunakan bentuk ejaan Jawi tradisional yang mempunyai ciri-ciri khusus, termasuk perbezaan dalam penggunaan perkataan atau struktur ayat berbanding sistem tulisan Jawi moden. Oleh kerana itu, untuk memahami makna sebenar yang terkandung dalam teks, pengkaji perlu melakukan interpretasi dan analisis yang teliti.

Langkah ini penting untuk memastikan isi kandungan manuskrip dapat difahami dengan betul, terutama dalam konteks budaya dan latar belakang sejarah manuskrip berkenaan. Dalam manuskrip tersebut, dakwat berwarna hitam menjadi warna utama yang digunakan untuk menulis isi kandungan. Sementara itu, dakwat berwarna merah digunakan secara khusus untuk menyoroti bahagian-bahagian penting atau permulaan topik, contohnya apabila memulakan sebuah bahagian dengan kata-kata seperti '*Bermula*', '*Fasal*', atau '*Adapun*'. Pemilihan warna dakwat ini membantu pembaca membezakan antara informasi utama dan penanda bahagian dalam teks.

Manuskrip Kanun Lingga memperlihatkan rangkaian pewarisan yang terperinci, dengan pemilik-pemilikinya kebanyakannya berasal dari keluarga pemerintah Kerajaan Melayu Banting. Sebagai contoh, Dato Lela Pahlawan Abang Hussein, yang merupakan putera kepada Dato Pahlawan Abang Hassan, telah menggunakan Kanun Lingga semasa pemerintahan di Lingga sehingga tahun 1880. Secara turun-temurun, pemegang manuskrip ini boleh ditelusuri: dari Tengku Akil kepada Tengku Muhammad, kemudian kepada Tengku Jaafar, berikutnya kepada Tengku Amit, dan seterusnya kepada Abang Anding yang berkahwin dengan Dayang Rokiah (atau Dayang Aisah), pemerintah Banting pada masa itu (Azuan, 2018). Dalam naskhah Kanun Lingga, terdapat juga sebutan tentang Pengiran Haji Matahir, mentua kepada Abang Anding Abang Abdul Rahman yang merupakan keturunan dari Burung Pingai Brunei (Azuan, 2018).


Rajah 2: Sanad pewarisan penyimpanan manuskrip Kanun Lingga



Sumber: Lingga abad ke 17: Hak adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga (Azuan, 2018)

Pengaruh Islam dalam Kanun Lingga

Analisis terhadap Kanun Lingga jelas menunjukkan adanya unsur-unsur perundangan Islam. Melalui petikan ayat-ayat al-Quran dan hadis. Contohnya, rujukan kepada hadis mengenai pendakwaan dan pembelaan dalam Islam menggambarkan pendekatan sistem keterangan Islam, sebagaimana berikut:



Fasal peri pada menyatakan menuntut dan yang dituntut daripada Rasulullah SAW dan yang dituntut daripada Rasulullah SAW al-Bayyinah 'ala al-Madie wa al-Yamin 'ala man ankara artinya sabda Rasulullah SAW saksi atas yang menuntut dan sumpah atas yang munkar.


Menurut Ali Ahmad al-Nadwi, kaedah pendakwaan dan pembelaan dalam Kanun Lingga ini adalah nas dari matan hadis Nabi Muhammad SAW yang menjadi kaedah penting bagi seorang hakim untuk membuat keputusan sekiranya timbul perselisihan, pergaduhan dan berlaku kezaliman dalam masyarakat. Hadis ini juga memberikan penekanan tentang pentingnya bukti (*al-bayyinah*) dan sumpah (*al-yamin*) dalam menangani dakwaan dan pertikaian, sebagai mana sabda Nabi Muhammad SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِذَا قُبِلَتْ الْهُمَمَاتُ فِي النَّاسِ، لَطَّالَتِ الرَّجَالُ أَنْ يَدْعُوا فِي دَمِ غَيْرِهِمْ وَمَالِهِمْ. وَلَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْمُدْعِي، وَالْيَمِينَ عَلَى الْمُنْكَرِ "

Daripada Ibnu Abbas RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Jika semua dakwaan manusia itu diterima, maka orang-orang lelaki akan mendakwa dengan sewenang-wenangnya bahawa harta benda dan darah sesuatu kaum itu adalah miliknya, akan tetapi keterangan (*al-bayyinah*) terletak di bahu orang yang mendakwa dan sumpah (*al-yamin*) atas orang yang mengingkari dakwaan ke atasnya (orang yang kena dakwa).”

Riwayat Muslim: 1711 dalam *Kitab al-Shahadat* (Kitab 33), *Bab al-Tasdiq bi al-Qasd wa al-Bayan fi al-Kitab wa as-Sunnah* (Muslim, 1937).

Melalui ayat ini dapat difahami bahawa asas kebenaran bukan semata-mata tertakluk pada dakwaan, tetapi memerlukan kepastian melalui saksi dan bukti yang meyakinkan. Ini mengukuhkan prinsip keadilan dalam perundangan. Ini menunjukkan bahawa undang-undang Islam menekankan bahawa setiap keputusan harus bersandarkan kepada bukti yang sahih, adil dan tidak berat sebelah. Seterusnya, dengan merujuk kepada prinsip *amar bil-ma'ruf wa nahyu anil-munkar*, Kanun Lingga mengesahkan tanggungjawab kolektif dalam masyarakat Islam untuk menggalakkan perbuatan baik dan mencegah kemungkaran, sebagaimana yang terkandung dalam halaman 18 Kanun Lingga mencatatkan:



“Fasal pada hukum Allah dalam kitab yang memunuh (membunuh) itu di...dibunuh itu dibunuh hukumnya kerana menurut dalil al-Quran dan menurut amar bil-makruf wa nahyu anil-munkar....”

Al-Quran telah menjadikan prinsip ini sebagai salah satu amanah bagi setiap penganut Islam, sebanding dengan kewajiban-kewajiban lain seperti solat dan zakat. Dalil berkaitan kewajiban *amar bil-makruf wa nahyu anil-munkar* yang bermaksud menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar kita boleh dapati dalam al-Quran:


كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia; kamu menyuruh kepada kebaikan, dan mencegah kemungkaran, dan kamu beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.


Surah Ali Imran 3: 110

Dalam konteks Kanun Lingga, fasal tersebut menegaskan bahawa hukuman yang dikenakan adalah selaras dengan prinsip ini. Dengan mengaitkan hukuman dengan prinsip *amar bil-ma'ruf wa nahyu anil-munkar*, Kanun Lingga memberi penekanan kepada perlunya menjaga keadilan dan keharmonian dalam masyarakat Islam dengan menggalakkan perbuatan baik dan memerangi kejahatan. Dengan demikian, melalui fasal tersebut, Kanun Lingga tidak hanya menetapkan hukuman atas dasar hukum Islam, tetapi juga mengukuhkan prinsip *amar bil-ma'ruf wa nahyu anil-munkar* sebagai amanah penting dalam masyarakat Islam untuk memelihara keadilan dan keamanan.


Selain itu, Kanun Lingga juga memaparkan penggunaan berbagai istilah undang-undang yang berasal seperti 'hakim', 'kanun', 'hukum', 'dakwa', dan 'saksi' seperti berikut:



Adapun segala yang tiada dapat diampun oleh segala hakim atas tiga perkara suatu dosa memunuh orang kedua mengambil isteri orang ketiga orang maharaja lela itu itulah yang tiada dapat segala menteri mengampun dia melainkan raja juga semata-mata.




Adapun pada hukum Allah dibunuh juga hukumnya karena pada Allah Taala hak sekalian manusia amanah itu amat besar atas negeri itulah yang hukum **kanun** Namanya.




Fasal yang kesepuluh pada menyatakan **hukum** orang dan hamba orang dan sakai orang dan hamba raja.

...oleh bapanya itu jikalau habis mas itu pun karena sudah setahu hakim tiadalah ada lagi segala **dakwa** orang itu mau sampai kepada




yang empunya emas mau tiada sampai apabila setahu hakim lepas taksir daripada orang yang memegang wakil itu demikianlah adat hukum wakil itu.




Adapun tiada sah saksi fasik dan abdi dan perempuan pada dua jalan juga hanya suatu saksi haid kedua akan saksi akan hamil tiada lagi berlaku daripada itu.

Penggunaan istilah-istilah ini bukan sahaja mencerminkan keseriusan dan kehalusan dalam membangunkan suatu kerangka perundangan, tetapi juga menunjukkan kesejajaran mereka dengan terminologi perundangan moden yang diterima secara meluas di Malaysia. Walaupun zaman telah berubah dan sistem perundangan terus berkembang, istilah-istilah ini masih kekal relevan dan sering digunakan dalam sistem perundangan masa kini. Ini memberi petunjuk yang kuat tentang daya tahan dan keunikan tradisi perundangan di alam Melayu, yang tidak hanya mematuhi norma dan piawaian sendiri tetapi juga bersesuaian dengan sistem undang-undang moden.

Kanun Lingga turut menonjolkan integrasi yang mendalam antara undang-undang adat dengan prinsip-prinsip undang-undang Islam. Bukan sekadar sebagai elemen tambahan, tetapi sebenarnya undang-undang Islam telah menjadi asas utama yang memperkasa Kanun Lingga. Rujukan berulang kali kepada 'hukum Allah Taala' menjadi bukti adanya pedoman etika dan moral yang dianuti oleh masyarakat Islam pada masa tersebut. Ini menunjukkan betapa hukum Islam menjadi tonggak penting dalam mengatur dan membimbing kehidupan masyarakat serta menawarkan solusi bagi pelbagai masalah dan konflik yang berlaku. Sebagai contoh:





Adapun pada hukum Allah Taala menampar itu ditampar juga maka adil nama hukumnya.




Fasal pada hukum Allah Taala orang mencuri tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangamya juga.


Adapun pada hukum Allah Taala orang mencuri kerbau dan lembu dan kambing itu jikalau dalam kandangnya sekadar memberi harganya jua tiadalah didenda lagi.




Adapun pada hukum Allah dihukum juga hukumnya kerana pada Allah Taala hak sekalian manusia amanah itu amat besar atas negeri itulah hukum kanun namanya.



Adapun pada hukum Allah Taala jikalau ia muhsan itu yang berlaku jikalau ada yang beristeri itulah arti muhsan daripada dua lapan puluh palu.




Adapun pada hukum Allah Taala tiada sedemikian hanya disuruhkan hakim bersumpah atau taubat daripada perbuatan itu itulah pada hukum Allah atas tiada bersalahan lagi.



Adapun pada hukum Allah Taala benda yang dipinjam itu mau ditentukan mau tiada ditentukannya kerana pada hukum Allah Taala syarat pinjam mau kekal ainnya yakni nyatanya.


Berdasarkan kandungan Kanun Lingga pula, terdapat pelbagai aspek hukum Islam yang disebut dan diguna pakai oleh masyarakat pada masa tersebut. Ini menunjukkan bahawa undang-undang Islam bukan sahaja berfungsi sebagai garis panduan moral, tetapi juga menjadi asas ketatanegaraan masyarakat di alam Melayu khususnya di Sarawak. Dalam Kanun Lingga terdapat penekanan khusus mengenai larangan riba, sebagaimana berikut:




Fasal pada menyatakan segala hukum berniaga itu dan haram bagi sekalian yang mengambil riba.

Larangan mengambil riba merupakan asas penting dalam sistem ekonomi Islam yang menekankan prinsip dasar dalam muamalat Islam. Dengan larangan tersebut, jelaslah bahawa Kanun Lingga tidak hanya berlandaskan ajaran Islam tetapi juga berusaha mewujudkan ekonomi yang adil dan seimbang. Ini menandakan semangat untuk menjalankan transaksi ekonomi berdasarkan etika yang menekankan prinsip keadilan dan kesejahteraan sosial, bukan semata-mata keuntungan.


Aspek-aspek khusus hukum Islam, khususnya berkaitan dengan pelaksanaan hukuman, dapat dilihat dengan jelas dalam Kanun Lingga. Misalnya, ada klausa tentang hukum bunuh dibalas bunuh iaitu *qisas* dan hukum potong tangan bagi kesalahan mencuri yang selaras dengan petunjuk al-Quran, sebagaimana berikut:



Fasal pada hukum Allah dalam kitab yang memunuh itu di dibunuh.




Fasal pada hukum Allah Taala orang mencuri tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangannya juga.




Adapun pada hukum Allah Taala jikalau ia muhsan direjam ada dua arti muhsan itu yang berlaku jikalau yang ada beristeri itulah arti muhsan daripada dua lapan puluh palu.

Hukum *hudud* dan *qisas* diberikan perhatian khusus dalam Kanun Lingga. *Hudud* merujuk kepada hukuman yang ditetapkan oleh Allah untuk kesalahan-kesalahan tertentu seperti zina, mencuri, dan meminum arak. Hukuman-hukuman ini ditetapkan berdasarkan kepada rujukan al-Quran dan Sunnah yang bertujuan untuk mencegah kejahatan, melindungi masyarakat dan memastikan keadilan ditegakkan.


Terdapat juga huraian mengenai hukum-hukum kekeluargaan Islam dalam Kanun Lingga. Ia mencakupi syarat-syarat sah perkahwinan seperti kepentingan wali dalam perkahwinan, saksi perkahwinan dan syarat ijab dan *qabul*, sebagaimana berikut:




Fasal pada menyatakan hukum kawin itulah apabila ada perempuannya itu berbapa atau bernek atau saudara laki-laki itulah akan walinya perempuan itu



Adapun jikalau tiada ada wali akrab dan wali yang mujbir itu maka harus hakim akan walinya itu.




Adapun jadi syarat pula pada lafaz ijab dan qabul itu pada nikah. Ada pun erti ijab dan qabul itu seperti dikata oleh wali kepada suamikan anaku siapa akan dikau maka kata memelai itu ku terima beristerikan dia inilah ijab dan qabul namanya.




Fasal pada menyatakan syahid pada nikah itu. Adapun sekurang-kurang saksi pada kahwin itu empat orang tetapi jikalau empat tiada dua orang juga pun padalah maka jikalau kurang daripada dua orang itu maka iaitu zina tiada sah kahwinnya itu kerana bersaksi itu. Adapun yang harus akan saksi orang itu orang salih dan adil dan laki-laki dan mursyid dan merdeheka juga.

Selain itu, ada klausa-klausa yang menggariskan perceraian yang disebut sebagai *talak raj'i* dan *talak ba'in* dalam Kanun Lingga serta tempoh *iddah* bagi perempuan yang diceraikan, seperti berikut:




Fasal pada menyatakan hukum talak itu. Adapun talak itu dua perkara suatu talak ba'in namanya kedua talak raj'i namanya adapun talak ba'in itu iaitu seperti talak yang tiada lagi akan kembali ia iaitu seperti talaknya tiga talak itulah talak ba'in namanya. Adapun raj'i itu talak satu atau dua talak maka iaitu dapat kembali itulah talak raj'i namanya.




Ia dengan satu talak maka talulah iddahnyanya daripada tiga bulan sepuluh hari itu jikalau ada laki-laki itu hendak kembali hanya kahwin juga namanya harus kembali maka tiada seperti hukum talak ba'in itu....

Suami atau isteri juga diberikan hak ataupun *khiyar* untuk membatalkan dan memfasakhkan perkahwinan sekiranya terdapat aib pada pasangan yang tidak diketahui sebelum perkahwinan, sebagaimana berikut:




Fasal pada menyatakan hukum khiyar itu mau pada perempuan itu berlaku khiyar dan mau laki-laki dan berlaku khiyar itu pada segala laki-laki dan perempuan atas lima perkara aibnya itu pertama aib gila kedua aib hadam ketiga aib barsu keempat aib Ratqa kelima aib qarna namanya. Adapun erti ratqa tempat farajnya itu kedua qarna iaitu farajnya yang tumbuh tulang itu inilah qarna namanya.

Selain itu, dalam aspek pertunangan Kanun Lingga juga menjelaskan panduan bagi masyarakat dalam menjalani proses-proses tersebut sesuai dengan syariat Islam. Ini mencerminkan komitmen dalam memastikan setiap aspek kehidupan keluarga diatur dengan adil dan berrmaruah.



Adapun jikalau seorang menawar tunangan orang itu yang sudah diberinya suatu alamat tanda akan diakhwininya itu maka ditawar oleh orang itu dengan setahu itu bapanya itu tatkala ia menawar itu maka kemudian tahulah tunangannya maka diberinya tahu oleh tunangan itu pada hakim maka oleh hakim disuruhnya panggil itu bapanya perempuan



itu jikalau ada tahu itu bapanya menyakakan maka disuruh kembalikan ajaramnya uang itu akan dia didendai oleh hakim yang menawar itu sepuluh tahlil sepaha. Adapun jikalau tiada tahu ia akan tunangan orang lain itu tiadalah ia kena dendai itu karena ia tiada tahu akan tunangan orang itu.

Dengan melihat beberapa contoh daripada keseluruhan kandungan Kanun Lingga, jelaslah betapa lengkap dan komprehensifnya sistem perundangan yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Sarawak. Ini mencerminkan pemahaman mendalam mereka terhadap ajaran Islam dan keinginan untuk mengamalkannya dalam setiap aspek kehidupan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, artikel ini membincangkan kepentingan kearifan tempatan dalam konteks masyarakat Islam di Sarawak dengan merujuk khusus kepada manuskrip undang-undang, Kanun Lingga. Di dalam bidang sains sosial, kearifan tempatan menstandarkan nilai dan budaya setempat yang mencerminkan amalan, budaya, dan cara hidup suatu masyarakat. Dalam hal ini, masyarakat Islam di Sarawak memiliki kearifan tempatan yang jelas, seperti yang dinyatakan dalam manuskrip Kanun Lingga yang menunjukkan pengaruh mendalam perundangan Islam. Melalui analisis terperinci manuskrip tersebut, kita mendapati bahawa undang-undang Islam telah diintegrasikan ke dalam kehidupan masyarakat dan menjadi landasan dalam pembinaan norma dan peraturan sosial mereka.

Hasil kajian ini memberikan wawasan baru tentang bagaimana Islam telah mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan di Sarawak, khususnya melalui lensa perundangan. Manuskrip Kanun Lingga bukan sahaja berfungsi sebagai sumber ilmu tetapi juga sebagai cerminan khazanah budaya dan sejarah Sarawak. Kepentingan manuskrip ini diperhebatkan lagi oleh fakta bahawa maklumat dan sumber tambahan mengenainya sangat terhad, menjadikannya sebuah sumber warisan budaya yang bernilai dalam bidang kajian sejarah, perundangan, dan kebudayaan Islam di Sarawak.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Dana Kecemerlangan (DKCM) UiTMCS 2021, *UiTM Staff Supervision Grant*, UiTM Sarawak. Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak UiTM atas dana dan bantuan yang telah diberikan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada apa-apa konflik yang wujud antara penulis serta pihak luar yang telah terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel ini secara keseluruhan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama bertindak sebagai perancang kajian, pengumpulan bahan dan penulisan artikel. Manakala, penulis kedua bertindak sebagai penasihat, penyumbang idea dan penyemak semula artikel. Kerjasama antara kedua-dua penulis adalah penting bagi memastikan kualiti kajian dan artikel yang dihasilkan mengikut spesifikasi penerbitan jurnal.

RUJUKAN

- Abang Sakardi Abang Nor. (2023). Temubual pada 19 Julai 2023.
- A. F., Rahim, R. A. A., & Pawi, A. A. A. (2022). Manuskrip Hukum Kanun Pahang: Antara Kepentingan dan Kritikan Sarjana Kolonial: Manuscripts of Pahang Coded Law: Between the Interest Criticism of Colonial Scholars. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 89-99.
- Ahmadin, M. (2022). Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches. *Jurnal Kajian Sosial Dan Budaya: Tebar Science*, 6(1), 104-113. Retrieved from <http://ejournal.tebarscience.com/index.php/JKSB/article/view/103>
- Awang, M. (2015). Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah?. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 55-84.
- Azman, N. N., Abdullah, J., Saidin, M., & Molijol, P. (2017). Kajian Seramik Dagangan Di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(1).
- Azuan Jemat. (2018). Negeri Banting Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga. Dlm. *Seminar Hak Adat Bumiputera Melayu Sarawak. 29 Januari 2018*. Dewan Hikmah Kuching, Sarawak.
- Bujang, S., Abdul Kadir, A. R., Yusuf, N., Hamrie, F., & Wan Yon, W. A. (2022). Sejarah dan Perkembangan Pentadbiran Islam Pada Era Pemerintahan Brooke di Sarawak: The History and Development of Islamic Administration in the Era of Brooke's Governance in Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53–70. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.5>
- Google Maps. (16 September 2023) Lingga Sarawak. <https://maps.app.goo.gl/r5mupE4ouAG8rNjs6>. 16 September 2023.
- Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2003). Peranan Pedagang dalam Penyebaran Islam di Sarawak. Dlm. Ismail Mat, Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsari dan Jaffary Awang. *Islam di Sarawak dan Sabah*. UKM: Bangi.

- Majid, A. (2017). *Analisis Data Penelitian Kualitatif*. Penerbit Aksara Timur.asmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri, 1*(2012), 28-29.
- Latif, H. H. M. (2009). Undang-undang Islam dalam perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan faktor sejarah perundangan Tanah Melayu. *Journal of Governance and Development, 5*, 22-47.
- Mahayudin Yahaya. (2001). *Islam di Alam Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mail, Awg Asbol. (2002). *Kesultanan Brunei Abad Kesembilan Belas: Sistem Politik Dan Struktur Pentadbiran*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Malaya.
- Mansor, S., & Pawi, A. A. A. (2019). Peradaban Melayu Sarawak dalam Konteks Nusantara. *Jurnal Melayu Sedunia, 2*(1), 278-305.
- Md Bahrudin, M. Z. F., & Mohd Salleh, D. N. (2020). Hubungan geopolitik dan perdagangan alam Melayu dengan dunia Arab: Geopolitical and trade relations between Malay realm and Arab world. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies, 1*(1), 45-57. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2020.25>
- Mohammad, A. (2008). Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17 M. *Journal of Al-Tamaddun, 3*(1), 68–84. Retrieved from <https://ajba.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/7845>
- Mutalib, N. A., & Ismail, I. L. M. (2020). Persepsi Masyarakat Tentang Peranan Ulama Silam Terhadap Perkembangan Islam di Sarawak: Kajian di Bahagian Bintulu (Community Perceptions Towards the Role of Past Scholars on the Development of Islam in Sarawak: A Study in Bintulu Province). *Journal of Human Capital Development (JHCD), 13*(2), 21-36.
- Rahim, R. A. A., Nor, R. M., Dahlal, N. H. B. M., & Abd Hamid, N. (2013). Islam Dan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu: Analisis Kritikal (Islam and Local Wisdom In The Malay World: Critical Analysis). *JATI-Journal of Southeast Asian Studies, 18*, 223-245.
- Ramli, M. A., Jamaludin, M. A., & Sidik, M. A. (2016). Pembinaan Kearifan Tempatan Dalam Korpus Hukum Islam (Fiqh) Di Alam Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 27*, 2016.
- Sanib Said. (2012). *Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang*. CREAM - Current Research in Malaysia Vol. 1, No. 1, October 2012: 21-50.
- Sanib Said. (2023). TVS Entertainment. Negeri Banting: Negeri Yang Hilang Dari Sarawak, Episod 10. <https://www.youtube.com/watch?v=14a6G4rqZww>.
- Yusuf, S. A., & Khasanah, U. (2019). Kajian literatur dan teori sosial dalam penelitian. *Metode penelitian ekonomi syariah, 80*, 1-23



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).